

## **Basic Model of Arabic Speaking for Preschool Children (Q-Nutqi)**

**Norfaezah Mohd Hamidin**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia  
Correspondence: [norfaezah@kuis.edu.my](mailto:norfaezah@kuis.edu.my)

### **ABSTRACT**

The Arabic language is the most important language in Malaysian education because of its connection with the Quranic language. This study is about the development of a basic model for improving the speaking skills of preschool children (Q-Nutqi). Q stands for Qur'an, Nutqi means to speak. The objectives of this study were to identify the basic needs in Arabic speaking skills of preschool children, then design and develop a model through the implementation of Arabic speaking modules of Quranic communication, finally, evaluate the effectiveness of this model. This study will be conducted using the ADDIE model. The analysis phase will identify the need for a basic model in speaking through the method of interviewing several Islamic preschool teachers in Selangor. Then, the model design phase to find out the learning objectives and determine the learning and teaching methods (L&T) using the Q-Nutqi model. The model development phase involves 12 experts in Arabic, early childhood education, and industry to evaluate the design of the model produced for improvement. The implementation phase of the Q-Nutqi speaking model through training modules for preschool teachers to use the model. The final phase is the evaluation phase to find out the impact and effectiveness of the model on preschool children. Through this study, the research team hopes to be able to develop a model that fits the basic needs of Arabic language learning of preschool children and be able to improve the existing weaknesses in the preschool education system.

**Keywords:** *Arabic speaking skill model; Quranic communication; preschool children*

## PENDAHULUAN

Dasawarsa, pemeraksanaan bahasa Arab dalam sistem pendidikan di negara kita telah berkembang dengan baik dan ia dilihat seiring hasrat kerajaan dalam memastikan penguasaan kepelbagaian bahasa kepada para pelajar. Namun begitu, terdapat suatu kelompangan di mana pemeraksanaan terhadap peningkatan kemahiran bertutur Arab prasekolah dilihat kurang diberi perhatian. Hal ini dibuktikan dengan kurangnya kajian tentang pembelajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah di negara kita. Jika disorot secara terperinci, Bahasa Arab prasekolah telah diajar dalam subjek pendidikan Islam. Ini menatijahkan bahawa Bahasa Arab kurang diambil berat pada peringkat awal pendidikan anak-anak. Bahasa Arab juga tidak diajar dalam bentuk kemahiran, tapi sebagai subjek seperti matapelajaran lain, sedangkan pembelajaran bahasa perlu ada empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bahasa Arab juga tidak diajar dalam bentuk pengucapan komunikasi, tetapi untuk menghabiskan silibus dalam buku teks yang disediakan oleh pihak prasekolah. Hukum belajar bahasa Arab juga ia perlu dipertuturkan kerana siapa tidak bercakap, dia tidak belajar.

Pembelajaran bahasa Arab penting di prasekolah sebagai asas mengenal bahasa tersebut sebelum peringkat sekolah rendah. Beberapa perkara dikaitkan dengan isu pembelajaran bahasa Arab di prasekolah iaitu keperluan mempelajari bahasa tersebut pada peringkat prasekolah dan modul atau sukatan pelajaran yang akan digunakan kepada kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke atas. Kemudian, kaedah pengajaran bahasa tersebut yang memenuhi fitrah dan pemahaman kanak-kanak terhadap bahasa tersebut. Bahasa Arab juga menjadi bahasa asing ketika pembelajaran di prasekolah, namun kemahiran apakah yang sesuai untuk dikuasai pada umur kanak-kanak prasekolah. Asbab pada pengertian bahasa menurut Jurja Zaidan (2017), adalah makhluk yang hidup, maka seharusnya pembelajaran bahasa dihidupkan melalui pertuturan sebagai alat komunikasi. Dan amat mudah untuk mengajar bahasa pertuturan ketika masih usia peringkat prasekolah umur 4 hingga 6 tahun.

Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Norfaezah Mohd Hamidin (2016) berkaitan persepsi pelajar, guru dan ibubapa terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di tiga buah sekolah jenis Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Negeri Selangor menunjukkan bahawa pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) bagi subjek bahasa Arab kerana mempunyai asas bahasa tersebut di peringkat prasekolah. Diikuti dengan kajian Siti Nurhajariah (2017), Awatif (2018) melalui kaedah temubual dengan guru prasekolah dalam kajian rintis di Dzul Iman dan temubual

bersama guru Tadika KEMAS, JAIS dan juga PASTI di Selangor mendapati adanya keperluan mempelajari bahasa Arab ini dengan berkesan sebagai asas persediaan bagi menduduki tahun 1 di peringkat rendah dan juga untuk tujuan pembelajaran agama dan al-Quran.

Disebabkan setiap agensi mempunyai matlamat, tanggapan, orientasi, keutamaan dan kemampuan yang berbeza-beza khasnya dalam penggunaan bahasa pengantar, kurikulum, latihan ikhtisas, kelayakan akademik cikgu, gaji guru, penempatan murid dan kemudahan-kemudahan asas juga adalah penyumbang kepada faktor dalam menentukan objektif pembelajaran bahasa Arab di prasekolah. Objektif ditentukan oleh agensi yang mengendalikan prasekolah tersebut. Latihan guru dan pendekatan pengajaran juga ditentukan oleh agensi masing-masing. Segala perbelanjaan seperti gaji guru dibiayai oleh Kerajaan manakala wang untuk alatan PnP prasekolah diambil daripada yuran prasekolah yang berbeza dari sekolah ke sekolah. Lokasi prasekolah amat berbeza antara bandar dengan luar bandar. Prasekolah bandar lebih memberi penekanan akademik manakala prasekolah di luar bandar lebih mengutamakan perkembangan sosial dan komuniti (Saad, 1979; Asiah, 2001).

Kemahiran pertama dalam perkembangan kanak-kanak ialah kemahiran mendengar, diikuti dengan bertutur. Kanak-kanak memperolehi bahasa pertama seawal kelahiran mereka di bumi ini. Kemudian ketika umur mencapai 4 tahun, mereka dihantar ke prasekolah untuk memulakan pendidikan asas sehingga mencapai umur 6 tahun. Sewaktu 3 tahun dalam pendidikan prasekolah, mereka mula mengenali bahasa lain secara formal kerana ada juga ibubapa yang mula bercakap menggunakan bahasa kedua seperti bahasa Inggeris dengan anak-anak mereka di rumah. Pendidikan prasekolah berlatarbelakangkan agama kini menjadi pilihan kebanyakan ibubapa kerana menyedari akan kepentingan agama dalam kehidupan anak-anak mereka untuk membimbing mereka menjadi generasi soleh dan musleh. Banyak prasekolah swasta selain prasekolah kerajaan seperti Tadika KEMAS mula memasukkan subjek bahasa Arab sebagai bahasa yang perlu dipelajari peringkat prasekolah. Namun, ketiadaan model asas yang sesuai ketika mempelajari bahasa ini di prasekolah akan menyebabkan keciciran mereka dalam penguasaan bahasa Arab kerana dalam konteks penggunaan kaedah dan strategi pembelajaran, KSPK memberi ruang kepada para pengajar untuk mengaplikasi mana-mana kaedah atau strategi yang bersesuaian.

Kemahiran bertutur juga menjadi salah satu isu yang belum menemui noktahnya walaupun banyak kajian dijalankan sejak bahasa Arab diperkenalkan dalam aliran pendidikan Malaysia sejak merdeka lagi. Menyedari akan hakikat ini, kumpulan penyelidik

ingin mencari jalan penyelesaian terbaik sesuai dengan perkembangan kanak-kanak yang boleh mempelajari lebih dari satu bahasa pada peringkat umur tersebut dengan memperkenalkan model asas dalam peningkatan kemahiran bertutur bahasa Arab. Kemahiran ini sekiranya dapat diperolehi seawal usia kanak-kanak dapat membantu permasalahan dalam pertuturan bahasa Arab ke peringkat seterusnya.

### KAJIAN LITERATUR

Matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyebut “Pendidikan prasekolah bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak”.

Pembentukan sesuatu kurikulum memerlukan penetapan dalam falsafah. Jika ingin menyediakan kurikulum prasekolah, maka falsafah pendidikan prasekolah wajar ditentukan terlebih dahulu. Misalnya, falsafah prasekolah menggambarkan tujuan prasekolah, nilai dan kepercayaan guru tentang bagaimana kanak-kanak belajar.

Falsafah yang dipegang atau dirujuk oleh guru prasekolah mampu mempengaruhi keputusan yang dibuat untuk kanak-kanak. Justeru, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dibentuk berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Kedua-dua falsafah ini perlu diterjemahkan mengikut kesesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Pendidik dan penggubal kurikulum perlu memahami hasrat negara yang dinyatakan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Setiap kurikulum yang dibentuk adalah untuk memenuhi keperluan jangka panjang. Kesan daripada hasil kurikulum yang digubal akan melahirkan generasi negara seperti mana yang dihasratkan dalam Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah menggambarkan tujuan prasekolah, nilai dan kepercayaan guru berkenaan bagaimana kanak-kanak belajar. Falsafah yang dipegang oleh para guru prasekolah sangat mempengaruhi keputusan yang dibuat untuk kanak-kanak. Pendidikan seharusnya memberi peluang individu untuk mengembang bakat, potensi dan kebolehan mereka menerusi interaksi sosial dengan orang lain dan pragmatik.

***Objektif kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK)***

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan menyediakan peluang kepada murid berumur 4-6 untuk mencapai objektif seperti berikut:

- i. Dari segi jasmani mempunyai tubuh badan yang sihat, kecergasan dan kemahiran fizikal asas, mempraktikkan amalan kesihatan yang baik dan langkah-langkah menjaga keselamatan, menguasai kemahiran psikomotor asas seperti kemahiran motor halus dan motor kasar.
- ii. Dari segi emosi mempunyai konsep sendiri yang positif, keyakinan diri, jati diri, berani mencuba, mempunyai kematangan emosi, menghormati perasaan dan hak orang lain, boleh bekerja secara bersendirian dan juga bekerja secara berkumpulan.
- iii. Dari segi intelek dapat berkomunikasi dengan baik (membaca, menulis dan bertutur)menggunakan bahasa Malaysia, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Cina dan Tamil (untuk yang berkenaan),memperolehi kemahiran proses sains dan matematik asas, memperolehi kemahiran berfikir asas, kemahiran menaakul dan kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian murid, mempunyai daya kreatif dan estetika, menghargai keindahan alam dan warisan budaya.
- iv. Dari segi rohani dapat mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
- v. Dari segi sosial, murid berkebolehan berkomunikasi dengan mantap, membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya, menyuarakan pandangan dan perasaan dan bekerjasama dengan orang lain.

Sebagaimana dalam objektif KSPK, bahasa dan komunikasi merupakan elemen terpenting dalam perkembangan kanak-kanak untuk meningkatkan daya intelek. Sebagai sebuah negara Islam yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasminya, Bahasa Arab juga dilihat sebagai bahasa terpenting perlu dipelajari kerana kaitannya dengan agama dan al-Quran sebagai sumber rujukan umat Islam. Maka, menjadi satu keperluan, bahasa ini perlu dipelajari pada peringkat awal pendidikan iaitu prasekolah sebagai asas untuk memahami bahasa tersebut pada peringkat seterusnya dalam sistem pendidikan Malaysia kerana bahasa ini juga membawa nilai-nilai agama yang membawa terbentuknya akhlak terpuji dan membawa kepada kesopanan dan kesusilaan dalam Rukun Negara. Kepentingan mempelajari bahasa ini kepada kanak-kanak prasekolah juga adalah faktor penting kepada pembentukan generasi Rabbani dan merupakan modal insan terpenting dalam pembangunan negara.

Bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dan bagaimana bahasa Arab berperanan dalam perkembangan kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Bahasa Arab

sebenarnya boleh meningkatkan intelek kanak-kanak sebagaimana termaktub dalam objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) iaitu dari segi aspek jasmani, intelek, emosi dan rohani.

*Kesan bahasa Arab kepada aspek jasmani*

Sebutan bahasa Arab membolehkan kanak-kanak menyebut sesuatu huruf dengan baik. Bahasa Arab mempunyai huruf hijaiyyah yang mempunyai makhraj bagi setiap hurufnya. Makhraj ini berfungsi sebagai tempat keluar huruf hijaiyyah dengan sebutan yang betul. Ini juga membantu kanak-kanak melancarkan proses percakapan mereka dalam bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Kanak-kanak yang lambat bercakap seharusnya diajar sejak kecil cara-cara menyebut huruf hijaiyyah.

*Kesan bahasa Arab kepada aspek emosi*

Tenang dan tenteram. Bahasa Arab bisa membentuk kanak-kanak kecil menjadi tenang. Alam kanak-kanak adalah peringkat umur yang sangat agresif dengan sifat perwatakan yang lasak dan aktif bermain. Untuk mengelakkan penyakit *tantrum* di kalangan kanak-kanak, bahasa Arab boleh mengatasinya kerana keistimewaannya sebagai alat penenang sebagaimana firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

*"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (QS. Ar-Ra'du: 28)*

*Kesan bahasa Arab kepada aspek rohani*

Zikir dan doa boleh membentuk rohani yang baik kepada kanak-kanak. Anak-anak yang ditidurkan dengan ayat-ayat Al-Quran akan membentuk rohani yang tenang dan tenteram. Mereka akan mendapat makanan spiritual yang baik untuk mengelakkan daripada gangguan jin dan makhluk halus. Personaliti mereka dapat dibina dengan baik dengan makanan rohani daripada ayat-ayat Al-Quran. Alunan Asmaul Husna dan nasyid-nasyid berbentuk zikir dapat membantu pertumbuhan yang baik kepada kanak-kanak.

*Kesan bahasa Arab kepada aspek intelek*

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

*“Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran Yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya”. (QS. Az-Zukhruf: 3).*

Ini menunjukkan kanak-kanak perlu dibentuk akal pemikiran yang sihat bermula dengan pengajaran agama. Akal pemikiran yang sihat perlu dibentuk seawal mungkin untuk membina pandangan alam (*worldview*) yang betul. Pandangan alam yang betul akan menentukan cara yang betul melihat kejadian alam ini yang merupakan hak milik mutlak Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT:

مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ

*“Yang menguasai hari pembalasan”. (QS. Al-Fatihah: 4)*

Bagaimana melihat alam pula bergantung kepada akal sebagai alat untuk berfikir. Tanpa alat, manusia tidak mampu berfikir dan dapat hidup mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah*.

*Kesan bahasa Arab kepada aspek sosial*

Penguasaan kanak-kanak terhadap bahasa Arab akan mengurangkan rasa takut terhadap persekitaran dan membina keyakinan diri yang tinggi kepada kanak-kanak tersebut. Firman Allah SWT:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

*“Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu tidak ada kekawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati”. (QS. Yunus: 62)*

Dunia kanak-kanak dipenuhi dengan dunia permainan. Peringkat 7 tahun pertama yang perlu ditekankan dalam pendidikan awal kanak-kanak ialah bermain. Dunia sosial mereka banyak terbentuk melalui persekitaran permainan. Oleh itu, penekanan bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak akan membantu membina hubungan sosial yang baik antara ibu bapa dan anak-anak, hubungan cikgu dan anak



murid, hubungan anak murid dengan rakan sebaya mereka, dan juga hubungan kanak-kanak tersebut dengan alam sekitar. Bahasa Arab merupakan bahasa yang mempunyai peradaban dan nilai yang tinggi yang boleh menjadi bahasa perantaraan untuk mendidik masyarakat menjadi masyarakat yang berakhlak dan beradab, lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak yang baru ingin mengenal dunia. Seajar dengan tujuan pengutusan Nabi Muhammad SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlaq”*. (Riwayat Ahmad)

Kajian lepas, menunjukkan kajian dalam kemahiran bertutur bahasa Arab seperti kajian literatur pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab (Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar, 2018), dan kajian lain banyak berfokus di sekolah rendah, menengah dan IPTA seperti kajian pembinaan model kemahiran bertutur bahasa Arab di IPTA Malaysia (Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad, 2020), pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru J-QAF sekolah kebangsaan (Kamarulzaman Abdul Ghani & Saiful Nizam Sulaiman, 2019). Terdapat juga kajian berbentuk analisis keperluan (Mohd Nizwan Musling & Mohd Taqwudin Mohd Yazid, 2019) terhadap komunikasi Arab kerjaya untuk staf perpustakaan. Mohammad Taufiq Abdul Ghani & Wan Ab Aziz Wan Daud, 2018 adalah antara kajian bahasa Arab di prasekolah iaitu bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini tertumpu kepada 80 orang pelajar yang mengikuti kursus diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan 7 orang guru prasekolah di Kota Bharu melalui instrumen soal selidik untuk meneroka kepentingan bahasa Arab dalam kalangan pendidik kanak-kanak. Dalam kajian lain (Ridwan, A. Fajar Awaluddin, 2019) tentang penerapan metode bernyanyi dalam meningkatkan penguasaan mufradat dalam pembelajaran bahasa Arab di Raodhatul Athfal.

Manakala kajian berkaitan kemahiran bertutur yang menggunakan metod ADDIE sangat kurang. Antara contoh kajian yang menggunakan pendekatan ADDIE ialah pembinaan modul pengajaran al-Quran (al-Alaq) dengan menggunakan Model Instruksional ADDIE (Ahmad Tamizi Abu *et al.*, 2020). Pendekatan ini juga digunakan dalam pembinaan modul pembelajaran ‘Adad dan Ma’dud berpandukan ayat al-Quran (Mohamad Hussin, 2019). Asma Abdul Rahman (2020) juga turut menggunakan model ADDIE dalam pembinaan model bertutur dan juga kajian penghasilan modul Buku Percakapan Berbasis Pesantren



“Hiwaruna” sebagai solusi inovatif dalam pembelajaran kalam di pondok pesantren (Beta Fadiatun Nisa’, 2020) menggunakan model ADDIE.

Terdapat juga kajian menyerupai kajian ini, tapi melibatkan kemahiran bahasa Melayu daripada Aliza Ali *et.al* (2016) berkaitan pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain untuk kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan kanak-kanak menguasai kemahiran bahasa Melayu secara *emergent* tanpa bimbingan guru sepenuhnya. Hasil kajian ini boleh digunakan untuk menguji kanak-kanak dalam menguasai kemahiran bahasa Arab juga melibatkan modul berasaskan permainan bahasa.

Perbezaan kajian-kajian lepas dengan kajian ini ialah kanak-kanak belajar bahasa Arab secara alami atau mengikut fitrah perkembangan mereka pada umur 4 hingga 6 tahun melalui pendekatan bermain dan tayangan multimedia, selain model asas bertutur iaitu dengar, ikut dan cakap terhadap ayat suruhan dan larangan berpandukan al-Quran.

Dalam pembentukan model *Q-Nutqi*, beberapa teori pendidikan awal kanak-kanak perlu diambilkira. Antaranya teori psikologi dan biologi kanak-kanak usia 4 hingga 6 tahun, teori pemerolehan bahasa ibunda dan asing dalam kalangan kanak-kanak kecil seperti teori Behavioris (Skinner), teori mentalis (Chomsky), teori Kognitif (Piaget), teori Interaksionalis (Haliday), teori pembelajaran bahasa asing untuk kanak-kanak dan teori psikolinguistik supaya model yang dibentuk tidak mengganggu proses pembelajaran bahasa Arab yang sebenar kepada kanak-kanak. Berdasarkan teori-teori tersebut, barulah model *Q-Nutqi* dapat dibentuk.

Menurut Norfaezah (2017), terdapat tiga teori psikologi yang mempengaruhi pembentukan model dan program dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) iaitu teori kematangan, teori tingkah laku persekitaran dan teori konstruktivis. Dan setiap model perlu mempunyai asas program yang mengandungi teori psikologi, perspektif ekologi dan falsafah yang menjadi pegangan. Teori psikologi membantu mendapatkan jawapan tentang 'apa yang kanak-kanak boleh belajar'. Manakala perspektif ekologi kanak-kanak dilihat dari konteks sosio budaya yang memberi kesan kepada proses sosialisasi terhadap perkembangan kanak-kanak. Selain daripada itu, teori pembelajaran bahasa Arab perlu digabungkan dengan teori pendidikan awal kanak-kanak supaya membentuk model yang baik dan hasil yang baik.

Model *Q-Nutqi* yang direkabentuk akan didasari dengan pertumbuhan kanak-kanak yang berusia 4-6 tahun. Model ini juga mengambil kira aktiviti bermain yang merupakan tabiat semulajadi kanak-kanak pada peringkat ini. Manakala aktiviti pembelajaran dan

pengajaran bahasa Arab perlulah bermula dengan pengucapan komunikasi yang menitikberatkan kemahiran dengar, ikut dan cakap (DIC) dalam bahasa Arab dalam aktiviti harian. Secara automatik, dapat membina akhlaq dan menanam nilai-nilai yang murni kepada kanak-kanak. Dan dengan menggunakan model ini, pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa Arab akan berlaku serentak.

Terdapat jurang antara model sedia ada kerana pembelajaran bahasa Arab tidak berlaku semulajadi sedangkan pada umur 4 hingga 6 tahun, psikolinguistik kanak-kanak bersedia untuk mempelajari lebih dari satu bahasa. Ketika ini juga, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil turut dipelajari di peringkat prasekolah. Dengan memperkenalkan model *Q-Nutqi* ini, jurang dapat dikurangkan melalui komunikasi Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak dari kewujudan persekitaran bahasa di prasekolah dan penggunaan Bahasa Arab komunikasi alQuran dapat membentuk keperibadian mulia pada kanak-kanak kerana kaitannya dengan bahasa alQuran yang mempunyai keistimewaannya tersendiri kerana ia adalah kalam Allah SWT. Melalui model ini juga dapat menyelesaikan masalah pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah rendah, menengah dan IPTA kerana mereka mempunyai asas yang kukuh dalam penguasaan kemahiran berbahasa terutama dalam pertuturan yang menjadi masalah utama dalam PnP Bahasa Arab sehingga kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan model ADDIE sebagai rangka kajiannya. Model ADDIE merupakan antara model rekabentuk instruksi yang sering menjadi asas kepada model-model rekabentuk instruksi yang lain. Secara amnya, model ADDIE (Rosset, 1987) terdiri daripada fasa Analisis (Analysis), Design (Rekabentuk), Development (Pembangunan), Implementation (Perlaksanaan) dan Evaluation (Penilaian).

Menurut Hall (1997), model ADDIE merupakan satu rekabentuk instruksi yang asas yang boleh diintegrasikan dalam apa jua strategi pembelajaran. Menurut Jansak, model ADDIE adalah model yang generik, mempunyai pendekatan yang sistematik untuk proses merekabentuk instruksi dan menyediakan perekabentuk dengan satu rangka kerja yang teratur untuk memastikan bahawa produk-produk pendidikan yang dihasilkan adalah efektif dan proses-proses kreatif adalah sangat efisien.

Model ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation) merupakan salah satu model reka bentuk pengajaran. Menurut Dick, Carey, & Carey (2009), reka bentuk pengajaran ialah proses sistematik untuk mereka bentuk, membangunkan,

melaksana dan menilai pengajaran. Dalam bidang pendidikan, reka bentuk pengajaran ialah strategi, kaedah yang sistematik dan teknologi yang digunakan dengan tujuan untuk memudahkan pelajar menguasai objektif yang dikehendaki (Yusup & Razmah, 2006). Tumpuan utama reka bentuk pengajaran ialah menghasilkan pengajaran kompeten dan berkesan yang membolehkan pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap tertentu. Pengkaji telah memilih model ADDIE dalam membangunkan Model *Q-Nutqi* kerana model ADDIE merupakan model reka bentuk pengajaran yang utama dan menjadi sumber kemunculan model-model yang lain (Carr-Chellman, 2011). Ini dapat dibuktikan apabila hampir semua model reka bentuk pengajaran mempunyai lima peringkat model ADDIE iaitu: (i) Analisis (Analysis); (ii) Reka Bentuk (Design); (iii) Pembangunan (Development); (iv) Pelaksanaan (Implementation); dan (v) Penilaian (Evaluation) (Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Model ADDIE ialah sebuah proses reka bentuk pengajaran lelaran (proses pengulangan) kerana setiap peringkat mempunyai penilaian formatif yang mungkin menjadi penentu kembali semula ke peringkat yang sebelumnya. Ini bermakna produk akhir bagi satu peringkat merupakan produk permulaan bagi peringkat yang seterusnya.


### **Fasa 1: Analisis keperluan**

Analisis ialah fasa yang menyelesaikan dan mengenalpasti masalah secara keseluruhannya. Pada umumnya, analisis keperluan adalah fasa pertama dalam siri langkah yang dilaksanakan untuk menggalakkan perubahan efektif kerana analisis keperluan yang baik berupaya menentukan jurang antara situasi semasa, kemahuan organisasi dan pencapaian individu (McArdle, 1998). Justeru, fasa ini amat penting kerana para pengkaji mampu mendapatkan maklumat daripada kumpulan sasar tentang keperluan model yang ingin direka bentuk dan dibangunkan. Di dalam fasa ini juga, ia amat menekankan kepada suatu kaedah bagi mengenalpasti jurang antara situasi yang wujud sekarang berkaitan dengan sesuatu isu dengan situasi yang dikehendaki dan dihasratkan. Oleh yang demikian, fasa ini dijalankan melalui temubual bersemuka dengan 3 orang guru prasekolah dan 5 orang lagi ditemubual secara berkumpulan. Pemilihan mereka adalah di prasekolah yang terpilih untuk menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat prasekolah. Proses ini dijalankan untuk mendapatkan output bagi membolehkan kewajaran agar satu pembangunan model dapat dihasilkan. Hasil temubual akan dianalisis menggunakan Atlas TI.

## Fasa 2: Rekabentuk model

Rekabentuk ialah fasa dilaksanakan selepas proses analisis keperluan selesai. Fasa penting dalam kajian ini yang menggunakan pendekatan ADDIE. Untuk tujuan itu, beberapa teknik telah diaplikasikan dalam fasa ini bagi tujuan pembangunan model kemahiran bertutur bahasa Arab kepada kanak-kanak prasekolah.

Dalam peringkat reka bentuk, pengkaji menjelaskan cara untuk mencapai matlamat umum model asas bertutur yang telah ditentukan dalam peringkat analisis. Selepas mengenal pasti matlamat umum model asas bertutur dan menganalisis maklumat kanak-kanak, objektif pembelajaran yang lebih khusus perlu dibina untuk menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan jangkaan pengkaji terhadap perkara pengetahuan dan kemampuan kanak-kanak. Antara elemen peringkat ini ialah membina objektif pembelajaran, dan menentukan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Dapatan fasa ini menjadi input untuk peringkat ketiga iaitu pembangunan. Bagi membina objektif pembelajaran, pengkaji berpandukan fokus bagi setiap komponen perkembangan awal kemahiran bertutur yang telah ditetapkan dalam peringkat analisis. Setiap fokus tersebut diubahsuai menjadi objektif pembelajaran bagi aktiviti dalam Model *Q-Nutqi* yang lebih khusus berpandukan kriteria berikut; (i) mulakan pernyataan dengan “Kanak-kanak akan dapat...”; (ii) mulakan setiap objektif khusus dengan kata kerja iaitu sesuatu yang boleh diukur dan diperhatikan seperti “mengikut”, “menyebut”, “menyoal”, dan “berhubung”; dan (iii) jangan mulakan objektif dengan perkataan seperti “memahami” atau “mengetahui”, dan lain-lain kerana tidak dapat diperhatikan secara langsung. Seterusnya, pengkaji menentukan kaedah PdP dalam sesuatu model sama ada menggunakan kaedah pembelajaran koperatif, penerokaan, penyelesaian masalah, permainan, simulasi, perbincangan, latihan dan praktikal, tutorial, demonstrasi, ataupun pembentangan. Alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan juga ditentukan dalam peringkat ini seperti menggunakan audio, video, komputer, internet dan bahan mawjud atau konkrit. Dalam kajian ini, pengkaji akan menekankan beberapa prinsip teori pembelajaran awal kanak-kanak seperti Teori Perkembangan Kognitif Piaget, Teori Sosiobudaya Vygotsky, dan Teori Bermain Froebel dalam menentukan kaedah PdP Model *Q-Nutqi*. Hasilnya, pengkaji akan menekankan beberapa prinsip PdP perkembangan awal kemahiran bertutur dalam Model *Q-Nutqi* yang melibatkan kanak-kanak, pendidik, dan persekitaran seperti dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1: Cadangan Model *Q-Nutqi***

Model ini juga berdasarkan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa.

#### *Teori pembelajaran bahasa*

Teori behavioris (Skinner) iaitu terus/dengar sebut. Pembelajaran berlaku dengan adanya rangsangan dan tindak balas yang berulang. Pembelajaran bahasa merupakan penguasaan atau kebiasaan yang diperoleh dengan mengulang-ulang aktiviti yang hendak dikuasai. Dalam model *Q-Nutqi*, kaedah komunikasi al-Quran digunakan untuk mewujudkan unsur rangsangan dan tindakbalas dalam PnP. Kaedah ini selari dengan teori behavioris (Skinner). Kemahiran mendengar ini melalui guru sentiasa bercakap dengan kanak-kanak dalam ayat komunikasi berbentuk suruhan dan larangan dalam alQuran. Ikut (*ittiba'*) iaitu kanak-kanak mengulang kembali percakapan guru apabila meminta sesuatu dari guru. Diikuti kemahiran bercakap iaitu hasil dari ikut percakapan guru tadi, kanak-kanak mula bertutur bahasa Arab secara semulajadi, tanpa melalui pembelajaran formal dalam buku teks Bahasa Arab untuk 4 hingga 6 tahun.

Teori Chomsky memperkenalkan Transformational Grammar (TG). Kanak-kanak semulajadi mempunyai LAD (Language Acquisition Device). Kelebihan teori ini kerana menekankan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar. Pengajaran berpusatkan pelajar bermaksud pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan penggunaan bahan-bahan pembelajaran berbanding guru. Oleh itu, ia amat sesuai

digunakan untuk mengajar kemahiran berbahasa. Dalam model *Q-Nutqi*, teori ini akan digunakan melalui teknik bermain. Aktiviti Bermain melalui permainan bahasa dalam mengenal huruf-huruf hijaiyyah dan menyebut perkataan Arab. Menggerakkan psikomotor kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa.

Teori Piaget pula berpandangan kanak-kanak menyerap dan menyesuaikan pengetahuan sedia ada dalam otaknya dengan data-data yang diperoleh daripada persekitaran. Jadi, kecekapan diperolehi kanak-kanak melalui pengalaman dalam interaksi persekitaran. Persekitaran Bahasa melalui tayangan multimedia iaitu guru sentiasa menayangkan cerita-cerita kartun Arab kepada kanak-kanak sehingga mereka memperolehi bahasa melalui teknik *sa'iyah* dan *basoriyyah* (Visual dan Audio).

Teori Interaksionalis (Haliday) pula berpandangan kanak-kanak perlu didedahkan kepada interaksi linguistik bagi menggambarkan bentuk linguistik yang jelas dan tepat. Penyampaian makna bermakna dalam komunikasi. Dan inilah yang akan dilaksanakan dalam model *Q-Nutqi* dengan mengambil pendekatan kanak-kanak berinteraksi langsung dengan al-Quran menggunakan bahasa Arab komunikasi al-Quran dalam percakapan.

### **Fasa 3: Pembangunan model**

Fasa membangunkan perisian dengan menggunakan aplikasi-aplikasi yang sedia ada. Fasa ini bertujuan untuk melihat kesesuaian serta kebolegunaan sesuatu produk yang telah dibangunkan. Setelah model bertutur telah berjaya disiapkan, pengkaji akan mendapatkan kesahan kandungan melalui pandangan dan maklum balas daripada 4 orang penilai luar yang berpengalaman dan pakar, terdiri daripada dua pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab dan dua pakar dalam pendidikan prasekolah. Pengkaji juga akan menyemak semula dan membuat penambahbaikan kandungan model bertutur hasil daripada maklum balas daripada keempat-empat ahli pakar tersebut. Ini seterusnya dapat memastikan kandungan model bertutur yang dibangunkan oleh pengkaji adalah lebih tepat dan sempurna. Kemudian, model ini juga akan disahkan oleh sekumpulan pakar seramai 9 orang yang terlibat secara langsung dalam pendidikan bahasa Arab prasekolah terdiri daripada penggubal buku bahasa Arab prasekolah dan pengusaha tadika yang memenuhi kriteria.

### **Fasa 4: Pelaksanaan model**

Fasa untuk menguji keberkesanan serta masalah-masalah yang mungkin berlaku dalam fasa rekabentuk dan pembangunan. Model kemahiran bertutur akan dibentuk dalam

bentuk modul yang boleh dilaksanakan di prasekolah dan akan dilaksanakan di beberapa buah prasekolah terpilih sebelum dibuat penilaian. Sebelum modul ini dapat dilaksanakan, guru akan menjalani latihan praktikal untuk menggunakan modul tersebut. Selepas guru mahir dalam menggunakan modul tersebut, guru akan mengaplikasikan penggunaannya kepada kanak-kanak prasekolah dalam tempoh yang ditetapkan.

### **Fasa 5: Penilaian (Ujian kebolegunaan model)**

Fasa untuk mendapatkan maklum balas pengguna terhadap keseluruhan perisian. Terdapat dua kumpulan sasaran yang terlibat dalam penilaian model dan modul ini. Jenis Prasekolah ini akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Satu kumpulan yang menggunakan model pertuturan bahasa Arab kanak-kanak prasekolah dan satu kumpulan lagi yang meneruskan pembelajaran bahasa Arab seperti biasa. Kanak-kanak tersebut akan menjalani tempoh penilaian ini untuk menilai keberkesanan model yang menggunakan modul kemahiran bertutur bahasa Arab. Kaedah penilaian berdasarkan tingkah laku kanak-kanak ketika guru menggunakan bahasa Arab komunikasi al-Quran dalam menyuruh atau melarang sesuatu. Guru akan dipantau sepanjang penggunaan modul tersebut untuk mendapatkan impak keberkesanan model ini. Hasil daripada dua kumpulan sasaran ini akan dibandingkan untuk keberhasilan model yang dijalankan.

## **KESIMPULAN**

Model ini dapat memenuhi keperluan transformasi sistem pendidikan Malaysia merangkumi aspek pendidikan secara keseluruhan dan kanak-kanak secara khususnya. Model ini juga sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran dwibahasa sebagai salah satu daripada enam ciri utama untuk berupaya bersaing pada peringkat global sebagaimana yang digariskan oleh KPM dalam transformasi sistem antaranya berpeluang mempelajari bahasa tambahan. Bagi memenuhi keperluan murid tersebut, seharusnya guru terdahulu perlu diisi dengan keperluan yang lengkap dan teratur bagi melaksanakan aspirasi yang digariskan oleh KPM. Model ini juga boleh dijadikan panduan untuk menyampaikan isi kurikulum dalam bentuk pengajaran secara efektif. Dari segi sosio ekonomi pula dapat membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai lagi graduan bahasa Arab untuk memenuhi keperluan pendidikan prasekolah. Di samping, menambah nilai kepada tenaga pengajar sedia ada dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab secara santai. Begitu juga, disarankan kepada pihak kerajaan supaya dapat menubuhkan institut kajian untuk Pusat Awal Pembelajaran bahasa Arab kerana



## BASIC MODEL OF ARABIC SPEAKING FOR PRESCHOOL CHILDREN

Negara memerlukan generasi pelapis yang dipupuk dengan kemahiran berfikir untuk mentadbir Negara pada masa hadapan dengan menjadikan bahasa Arab sebagai alat untuk berfikir dan dapat meningkatkan daya intelek kanak-kanak Malaysia. Selain itu, dapat membentuk generasi yang terdidik dengan ketamadunan dan peradaban yang tinggi melalui bahasa dan komunikasi, seterusnya berketrampilan dengan peribadi yang mulia. Model yang dibangunkan ini juga sesuai dengan keperluan bagi merealisasikan harapan para pendidik dan ibu bapa menjadikan anak-anak mereka anak yang soleh dan solehah kerana selari dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dengan mempraktikkan segala suruhan dan larangan agama dalam tingkah laku berdasarkan ayat-ayat komunikasi yang digunakan.

**RUJUKAN**

- Abu, A.T., Rashid, R.A.A., & Saleh, S.(2020). Pembinaan modul pengajaran al-Quran (al-Alaq) dengan menggunakan model instruksional ADDIE (The development of al-Quran teaching module (al-Alaq) by using ADDIE instructional model). *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, Vol 3(3).
- Ali, A. & Mahamod, Z.(2017). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran & pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu; Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 3 (1).
- Ali, A. & Mahamod, Z.(2016). Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu(JBPM)*. Malay Language Education Journal-MyLEJ.
- Bacotang, J. & Isa, Z.M.(2016). Aplikasi model ADDIE dalam pembangunan modul awal literasi (Modul A-Lit) untuk kanak-kanak TASKA. *1<sup>st</sup> International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP)*, 8-10/10/16, Bangunan E-Learning UPSI.
- Ghani, K.A. & Sulaiman, S.N.(2019). Pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru J-Qaf Sekolah Kebangsaan. *Online Journal of Islamic Education*, Vol 7(1).
- Ghani, M.T.A & Wan Daud, W.A.A. (2018). Bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: Satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol 7.
- Hanifah, U.(2016). Penerapan model PAIKEM dengan menggunakan media permainan bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Ilmu Tarbiyah "At-Tajdid"*. Vol. 5(2).
- Hussin, M. & Marosadee, A.H.(2019). Pembinaan modul pembelajaran ‘Adad dan Ma’dud berpandukan ayat Al-Quran. *UNIMAS Journal*, Vol 8(1).
- Hamidin, N.M.(2016). Persepsi pelajar, guru dan ibu bapa terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Selangor. UIAM. Tesis PhD.
- Hamidin, N.M.(2016). Smart Iqra' kids Arabic (SmartIqa): Inovasi dalam pendidikan prasekolah. *e-Jurnal Penyelidikan & Inovasi (Special Edition)*.

- Hamidin, N.M.(2017). Pembentukan model pendidikan awal bahasa Arab (PABA) untuk PnP prasekolah Malaysia. *4th International Conference on Postgraduate Research (ICPR)*.
- Hamidin, N.M., Rahman, A.A., & Hamdi, I.(2019). The need analysis of Arabic language module for students' preschools.(...).
- Md Isa, S.N, Hamidin, N.M., Hamdi, I., & Rahman, A.A.(2016). Refleksi keperluan modul bahasa Arab di peringkat prasekolah. *Jurnal GLIT-EJ,KoKUIS*.
- Mohd Din, A.F., & Seman, M.(2019). Meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab melalui strategi penguasaan sebutan. *International Online Journal of Language,Communication, and Humanities*. Vol 2(1): INSANIAH.
- Musling, M.N. & Yazid, M.T.N.(2019). Analisis keperluan komunikasi Arab kerjaya untuk staf perpustakaan. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, Vol 2(7).
- Nisa', B.F.(2020). Buku percakapan berbasis pesantren “Hiwaruna” sebagai solusi inovatif dalam pembelajaran kalam di pondok pesantren. *Prosiding Semnasbama IV UM Jilid 2 Peran Mahasiswa Bahasa Arab dalam Menghadapi Revolusi Industri 4.0*.
- Rahman, A.A. & Ahmad, N.(2020). Pembinaan model kemahiran bertutur bahasa Arab “Mgg@Tfmodktba@Innov” di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Kesidang Journal*, Volume 5 2020: 77-87.
- Rahman, A.A, Hamidin, N.M, Md Isa, S.N., & Hamdi, I.(2018). Modul pembelajaran bahasa Arab prasekolah: Suatu analisis keperluan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 5(1).
- Ridwan, R., & Awaluddin, A. (2019). Penerapan Metode Bernyanyi dalam meningkatkan penguasaan mufradat dalam pembelajaran bahasa Arab di Raodhatul Athfal. *Didaktika: Jurnal Kependidikan*, 13(1), 56-67. <https://doi.org/10.30863/didaktika.v13i1.252>.
- Sholikah,M., Qibtiyah, N.M., & Nisa, B.F.(2019). Puzzle Sebagai Alternatif Media Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Bagi Anak Usia Dini. *Inovasi Media Pembelajaran Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, Vol 3 (2019).
- Yaacob, M. & Bakar, K.A.(2018). Tinjauan literatur pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, Vol 1(2).